

بُولْتِينِ إِنْسِيَّتِيَّوْرِيَّةِ كَلْهُمْ إِسْلَامِيَّةِ سَارَوَك



Buletin IKMAS JAKIM

BIL. 3 / 2024



ISSN 2785-8790
9772785 879003

أوكوس - نوفمبر ، صفر - جمادى الأول ١٤٤٦ هجرة OGOS - NOVEMBER



SIMPOSIUM PENGAJIAN TINGGI ISLAM SERANTAU (SIPTIS) TAHUN 2024



PROGRAM MENYEMAI BAKTI
IKMAS KALI KE-23
DI BAHAGIAN MUKAH



MAJLIS PENYERAHAN PROJEK
PEMBINAAN FASA KEDUA
IKMAS



PROGRAM PEMERKASAAN
PERSONEL IKMAS MADANI

SCAN ME

"IKMAS INSPIRASIku" "KITAKAN IKMAS"



Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak - IKMAS



myikmas



Laman Sesawang:
myikmas.islam.gov.my

Sidang Redaksi



PENAUNG
YBrs. Tuan Haji Hanifuddin bin Roslan



KETUA EDITOR
Noor Azmi bin Mohammad Tamyis



PENOLONG KETUA EDITOR
Siti Syarah binti Mohd Tawil



PEMBACA PRUF
Abdul Zaaba bin Buserah



PEMBACA PRUF
Ainul Nadzifah binti Mohd Ali



KONSEP & REKA LETAK
Muhammad Faizul bin Kanaini



KOORDINATOR PENERBITAN & EDARAN
Dyg. Adlin Lina binti Abang Hwan Zaini



JURUFOTO
Irwandy bin Sarkawi

PENGHARGAAN ISTIMEWA

Pejabat Pengarah
Pejabat Timbalan Pengarah
Cawangan Khidmat Pengurusan
Cawangan Pendaftar
Cawangan Akademik
Cawangan Hal Ehwal Pelajar
Cawangan Pembangunan Insan
Unit Jaminan Kualiti

Unit Komunikasi Korporat & Hubungan Strategik

Isi Kandungan

- 2 Sidang Redaksi
- 3 Sekapur Sirih
- 3 Kalam Ketua Editor
- 4 Kenali Alumni IKMAS
- 5 Bengkel Pengukuhan Akademik Serta Pertukaran Ilmu dan Budaya di antara IKMAS, Kolej Universiti i-CATS dan Universitas Muhammadiyah Pontianak (UMP)
- 5 Pelaksanaan Audit Dalam MS ISO 9001:2015 dan EOMS 21001:2018
- 6 Program 'Go-Green' IKMAS bersama Kolej Universiti i-CATS dan Universitas Muhammadiyah Pontianak (UMP)
- 7 Program "Explorasi Haji" bersama Tabung Haji Sarawak
- 7 Sambutan Bulan Kemerdekaan "Malaysia Madani : Jiwa Merdeka" Peringkat IKMAS Tahun 2024
- 8 Kursus Paperkahwinan Pelajar Tahun Akhir IKMAS
- 8 Pilihan Raya Kampus IKMAS 2024
- 9 Seminar Al-Quran Waqaf Ibtida dan Hadis Semasa Tahun 2024
- 10 Kursus Penyampaian Khutbah Berkualiti
- 10 Program Komuniti Gotong-Royong Membersih Sungai dan Tebingan Sungai Kampung Telaga Air, Kuching
- 11 Seminar Pemantapan Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah
- 11 Program Motivasi dan Hala Tuju Pelajar IKMAS bersama Universiti Sultan Azlan Shah (USAS)
- 12 Pemerksaan Personel IKMAS MADANI
- 12 Program Menyemai Bakti IKMAS kali ke-23 Tahun 2024 di Bahagian Mukah
- 13 Kunjung Hormat Ketua Pengarah JAKIM Serta Delegasi IKMAS dan JAKIM Sarawak kepada Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak
- 13 Lawatan Kerja Rasmi Ketua Pengarah JAKIM ke Tapak Pembinaan IKMAS Fasa Kedua
- 14 Simposium Pengajian Tinggi Islam Serantau (SIPTIS) Tahun 2024
- 15 Majlis Penyerahan Projek Pembinaan IKMAS Fasa Kedua
- 16 Lawatan Kerja dan Kunjung Hormat
- 17 Pameran dan Promosi IKMAS
- 18 Sukan IKMAS (SUKMAS)
- 19 Artikel Staf
- 20 Artikel Staf
- 21 Selamat Datang & Jasamu Dikenang
- 22 Lensa
- 23 Lensa
- 24 Juh Masuk IKMAS

SEKAPUR SIRIH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

A
lhamsdillah setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kepada Allah SWT kerana dengan izinNya Buletin IKMAS dapat diterbitkan buat siri yang ketiga dan merupakan penutup bagi sesi 2024.

Di kesempatan ini saya ingin menzahirkan tahniah kepada Ketua Editor, team sidang redaksi serta Unit Komunikasi Korporat dan Hubungan Strategik kerana telah berjaya menghasilkan buletin yang terakhir bagi sesi 2024 seperti yang telah dirancang.

Terima kasih juga diucapkan kepada semua pihak yang memberikan kerjasama dan sokongan yang amat padu dan jitu dalam menerbitkan buletin ini yang mampu menarik minat seramai mungkin pembacanya.

Dalam keluaran kali ini, kami membawa kepada anda pelbagai cerita kejayaan dan inisiatif yang telah dicapai oleh IKMAS bagi pengakhiran tahun 2024. Kejayaan ini tidak mungkin terlaksana tanpa komitmen dan kerja keras setiap individu dalam pasukan kami. Saya amat berbangga dengan pencapaian ini dan akan terus berusaha demi kecemerlangan yang berterusan.

Buletin ini juga merupakan wadah untuk kita berkongsi idea, inspirasi, dan pengalaman yang berguna dalam menjalani kehidupan sehari-hari serta meneroka peluang-peluang baru di masa hadapan. Saya berharap, setiap artikel yang disajikan dapat memberikan anda inspirasi dan pengetahuan baru yang berguna oleh semua warga IKMAS.

Akhir kata terima kasih atas sokongan yang berterusan dan harapan saya kepada semua warga kerja, pelajar IKMAS dan para pembaca, teruskan perjuangan dan tekadkan usaha untuk berjaya. Jom masuk IKMAS!



KALAM KETUA EDITOR

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

A
lhamsdillah, segala puji hanya bagi Allah SWT, Tuhan sekalian alam. Syukur kehadrat Allah SWT kerana dengan izinNya, dapat sekali lagi IKMAS menerbitkan buletin yang terakhir bagi sesi tahun 2024. Terima kasih juga diucapkan kepada Yang Berusaha Tuan Haji Hanifuddin bin Roslan Pengarah IKMAS kerana meletakkan kepercayaan kepada saya selaku Ketua Editor bagi tahun ini, dengan usaha atas kepercayaan dan semangat yang diberikan pada kali ini, Unit Komunikasi Korporat dan Hubungan Strategik IKMAS akhirnya dapat menyelesaikan tugas yang diberikan.

Sekalung ucapan tahniah dan syabas juga diucapkan kepada rakan-rakan sidang redaksi Buletin IKMAS dan Team Unit Komunikasi Korporat dan Hubungan Strategik IKMAS, saudara Muhammad Faizul bin Kanaini dan saudari Dyg. Adlin Lina binti Abang Hwan Zaini kerana banyak membantu dalam menghasilkan keluaran Buletin yang terakhir buat tahun ini dengan jayanya. Tidak lupa juga kepada keluarga IKMAS yang terlibat dalam penerbitan buletin kali ini terima kasih saya ucapkan atas sumbangan idea dan pandangan.

Buletin kali ini adalah cerminan daripada semangat kerjasama dan aspirasi bersama warga IKMAS. Dalam keluaran ini, kami mengajak anda untuk menelusuri pencapaian, inisiatif dan cerita-cerita inspiratif yang menghidupkan semangat "KELUARGA IKMAS" kami.

Dari jauh merpati datang,
Hinggap di batang pokok kenanga,

Pantai timur ombak berdebur,

Bayu laut sepoi-sepoi bahasa,

Edisi kali ini penuh dengan rencana cemerlang,
Kami harap ia memberikan manfaat yang bermakna.

Setiap halaman yang disajikan penuh beratur,

Mengimbau kejayaan yang dikongsi bersama.

Saya berharap buletin ini tidak hanya memberi maklumat tetapi juga memberi inspirasi kepada anda. Terima kasih atas sokongan dan dedikasi anda. Selamat membaca!

Noor Azmi bin Mohammad Tamjyis

KETUA EDITOR
IKMAS

KENALI ALUMNI IKMAS

ENCIK DAHLAN BIN DAUT

Beliau dilahirkan di Klinik Kesihatan Daro pada 17 Julai 1983. Berasal dari Kampung Masjid Daro dan berketurunan Melanau. Beliau telah mendirikan rumah tangga dan dikurniakan enam (6) cahaya mata; tiga (3) orang lelaki dan tiga (3) orang perempuan. Beliau merupakan Alumni IKMAS ambilan yang ketiga pada tahun 2002 sehingga 2005. Kini, beliau berkhidmat sebagai Penolong Pegawai Hal Ehwel Islam S32.



LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- Sekolah Rendah Kebangsaan Campuran Daro (1990 – 1995)
- Sekolah Menengah Kebangsaan Toh Puan Datuk Patinggi Hajjah Normah (1996 – 2000)
- Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak, Diploma Pengajian Islam (2002-2005)

KERJAYA

- Guru KAFA di Sekolah Rendah Kebangsaan Campuran Daro
- Penolong Pegawai Hal Ehwel Islam di Pusat Latihan Sarawak, JAKIM (2006 – 2008)
- Penolong Pegawai Hal Ehwel Islam di JAKIM Cawangan Sarawak, Unit Sibu (2009 – 2011), (2016 – 2019)
- Penolong Pegawai Hal Ehwel Islam Kanan di Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (2012 – 2016), (2019 – 2023)
- Penolong Pegawai Hal Ehwel Islam Kanan di Penjara Puncak Borneo, Jabatan Penjara Malaysia (2023 - Kini)

PENCAPAIAN DAN PENGLIBATAN LUAR

- Menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Jabatan Perdana Menteri (2012)
- Ahli Kelab Bola Sepak IKMAS United
- Ahli Kelab Koperasi Lan Taboor IKMAS
- Penceramah
- Memenangi pingat perak dalam Program Kreatif dan Inovasi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) (2014)

HARAPAN DAN IMPIAN UNTUK IKMAS

Harapan beliau untuk melihat IKMAS terus melakar kegemilangan sebagai sebuah Institut Pendidikan yang membudayakan minda berkelas pertama iaitu graduan dan warga IKMAS yang berpengetahuan, mampu berdaya saing, berbudaya kerja cemerlang, berintegriti dan memiliki kekuatan moral.

Adab mendahului ilmu merupakan pesanan beliau kepada para pelajar IKMAS kerana bahawasanya mempunyai adab itu lebih penting dan diperlukan daripada mempunyai ilmu pengetahuan. Individu yang memiliki ilmu belum tentu beradab namun jika individu yang memiliki adab sudah pasti berilmu. Pesanan ini semestinya berpaksikan dengan objektif IKMAS dan hasrat beliau agar IKMAS berupaya menghasilkan graduan berilmu, berakhlik mulia, berhikmah serta mampu menghadapi cabaran semasa.



Sesi Temuramah Encik Dahlan bin Daut di Penjara Puncak Borneo, Kuching, Sarawak



19 Ogos 2024 //

BENGKEL PENGUKUHAN AKADEMIK SERTA PERTUKARAN ILMU DAN BUDAYA DI ANTARA IKMAS, KOLEJ UNIVERSITI i-CATS DAN UNIVERSITAS MUHAMMADIYAH PONTIANAK (UMP)

IKMAS telah menerima kunjungan daripada Kolej Universiti i-CATS dan Universitas Muhammadiyah Pontianak sempena Bengkel Pengukuhan Akademik serta Pertukaran Ilmu dan Budaya Ilmu yang diadakan di Bilik Mesyuarat IKMAS.

Kunjungan ini diketuai oleh YBrs. Encik Heriansyah, S.H., SH.I., M.Pd. selaku Rektor Universitas Muhammadiyah Pontianak dan disambut oleh Pengarah IKMAS, Tuan Haji Hanifuddin bin Roslan, Ketua-Ketua Cawangan serta para pensyarah. Sesi taklimat telah disampaikan oleh Dr Roziah binti Haji Chek, Ketua Cawangan Akademik.

Bengkel ini bertujuan untuk menganjurkan aktiviti kolaborasi antarabangsa di samping mengukuhan jaringan akademik dalam kalangan pensyarah IKMAS, i-CATS dan UMP.

Diharapkan penganjuran bengkel ini dapat memberikan manfaat yang besar kepada pihak terlibat serta mempromosikan IKMAS sebagai sebuah institusi yang menyokong pembangunan pendidikan dan kerjasama antarabangsa.



21-23 Ogos 2024 //

PELAKSANAAN AUDIT DALAM MS ISO 9001:2015 DAN EOMS 21001:2018



IKMAS sedang dalam proses permohonan pensijilan MS ISO 9001: 2015 dan 21001:2018 (EOMS) pada tahun 2024.

Sehubungan itu, IKMAS juga telah melaksanakan Audit Dalam berdasarkan standard tersebut ke setiap lokasi (cawangan) di IKMAS pada 22 Ogos 2024.

Seramai 14 orang ahli pasukan kualiti IKMAS (juruaudit dalam) telah dibimbing oleh Puan Zarina binti Mohd Sharif bagi melaksanakan perancangan pengurusan kualiti.

Seterusnya temuan audit telah dibentangkan dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) yang diadakan pada 26 September 2024.

Semoga IKMAS terus komited melaksanakan pengurusan kualiti yang menepati standard ISO sekaligus menjamin kualiti institusi secara keseluruhan.

'GO-GREEN'

IKMAS BERSAMA KOLEJ UNIVERSITI i-CATS DAN UNIVERSITAS MUHAMMADIYAH PONTIANAK (UMP)



IKMAS sekali lagi menerima kehadiran para pensyarah Kolej Universiti i-CATS dan Universitas Muhammadiyah Pontianak namun pada kali ini bersama pelajar Universitas Muhammadiyah Pontianak seramai 38 orang.

Program ini dimulakan dengan sesi perkongsian mengenai pengolahan makanan daripada para pensyarah Universitas Muhammadiyah. Slot pertama iaitu Sosialisasi Teknologi pengawetan dan pengolahan ikan yang disampaikan oleh Dr. Ir. Eko Dewantoro, M.Si. Slot kedua pula Sosialisasi dan Pelatihan Pembuatan Nugget oleh Puan Farida, M.Si. Slot ketiga 'Sosialisasi dan Pelatihan Pembuatan Bakso Ikan' daripada Puan Tuti Puji Lestari, M.Si. dan 'Diversifikasi olahan makanan fermentasi menjadi sambal botol' daripada Puan Hanum Mukti Rahayu, S.Pd., M.Sc.

Sesi perkongsian yang kedua dimulai oleh Puan Eko Julianto, S.T., M.T. yang bertajuk Transformasi Air Gambut menjadi hyd.

Sesi ketiga merupakan pembentangan atau tutorial pembuatan daripada pelajar Universitas Muhammadiyah Pontianak yang menggunakan produk kitar semula antaranya Pelatihan Pengolahan Limbah Plastik menjadi lampu hias oleh Cik Raudhatul Fadhilah, S.Pd., M.Si. dan Pelatihan Pembuatan Kotak Tisu dari koran oleh Cik Fita Kurniasari, S.MB., M.AB.


Sesi terakhir ialah Projek Go-Green dengan penanaman pokok rambutan sambil memberi perkongsian ilmu cara mempercepatkan pokok rambutan berbuah yang disampaikan oleh Encik Michael Entalai dari Kolej Universiti i-CATS.

IKMAS berharap dengan perkongsian dan aktiviti yang dilaksanakan pada hari ini akan memberi ilmu dan pengalaman baharu kepada pelajar IKMAS serta jaringan kolaborasi yang dibina ini akan berterusan pada masa akan datang.



“Explorasi Haji”

BERSAMA TABUNG HAJI SARAWAK



IKMAS dengan kerjasama Tabung Haji Sarawak menganjurkan Program “Explorasi Haji” bersama Pelajar Semester 5 Diploma Dakwah Islamiyyah bertempat di Dewan Kenyalang IKMAS.

Program ini bertujuan untuk memberi panduan ibadat haji dan umrah kepada pelajar di samping memberi pendedahan berkaitan pengurusan dan penjagaan kesihatan untuk menunaikan ibadah haji dan umrah. Selain itu, pelajar juga berpeluang untuk menjiwai pelaksanaan haji dan umrah secara teori dan praktikal. Seterusnya, program ini dapat memupuk minat dan azam dalam diri pelajar untuk terus berusaha bagi menunaikan Rukun Islam yang kelima. Program ini bukan hanya memberi impak kepada para peserta malah membantu IKMAS untuk menjalankan hubungan kerjasama dua hala dengan agensi terlibat.

Program ini telah dijalankan selama satu hari ini meliputi teori pelaksanaan haji dan umrah serta melaksanakan amali serta cara-cara pelaksanaannya. Diharapkan para pelajar tidak mensia-siakan peluang ini untuk memperolehi ilmu baharu.



SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN “MALAYSIA MADANI : JIWA MERDEKA” PERINGKAT IKMAS TAHUN 2024

Sempena Bulan Kemerdekaan pada tahun ini bertemakan Malaysia Madani : Jiwa Merdeka, IKMAS telah mengadakan Program Merdeka Minda, Merdeka Jiwa bersama seluruh warga IKMAS merangkumi pekerja komited dan pelajar IKMAS yang diadakan di Dewan Kenyalang IKMAS.

Program dimulakan dengan Ceramah Khas Merdeka bertajuk “Merdeka Minda Merdeka Jiwa” yang disampaikan oleh YBhg. Sahibus Siyadah Tuan Haji Mu’al bin Suaud, Pengarah Jabatan Agama Islam Sarawak dan juga merupakan Ahli Lembaga Akademik IKMAS. Seterusnya, ucapan sambutan kemerdekaan daripada Encik Abdul Malek bin Ghazali, Timbalan Pengarah IKMAS.



Program diserikan lagi dengan persembahan nasyid oleh pelajar IKMAS iaitu Kumpulan Soutul Najm. Akhir sekali, seluruh warga IKMAS bersama-sama menyanyikan lagu patriotik dengan penuh semangat sambil mengibar jalur gemilang.

IKMAS berharap semoga dengan penganjuran program ini akan mampu meningkatkan semangat patriotik dalam kalangan warga IKMAS agar dapat terus berbakti kepada Malaysia yang mempunyai masyarakat berbilang kaum dan agama.

KURSUS PRAPERKAHWINAN

PELAJAR TAHUN AKHIR IKMAS

IKMAS telah berjaya menganjurkan Kursus Praperkahwinan untuk pelajar tahun akhir IKMAS. Kursus yang dianjurkan selama dua hari adalah kerjasama IKMAS bersama Jabatan Agama Islam Sarawak.

Penganjuran program ini juga bertujuan memberi pengalaman kepada pelajar berkaitan proses-proses dalam perkahwinan, di samping memperoleh sijil penyertaan. Ia turut membantu pelajar mendapat kemahiran berkaitan undang-undang dan prosedur perkahwinan, perceraian serta pengetahuan mengenai hukum termasuk penalti bagi kesalahan-kesalahan di bawah Undang-Undang Kekeluargaan Islam. Kursus ini juga menekankan berkaitan kemahiran penyelesaian masalah dan pemikiran kritis dalam mengurus isu-isu serta konflik dalam rumah tangga.

Penceramah jemputan kursus adalah Puan Nur Hamni binti Sazali, Ustaz Muhamad Saharuddin bin Jamali, Ustazah Sakinah Binti Harun, Ustaz Suhardi bin Bujang, Dr Asmah Nazahiyah binti Said dan Ustaz Jamaludin bin Taim.

Diharapkan kursus praperkahwinan yang dilaksanakan selama dua hari ini dapat menambahkan ilmu pengetahuan yang jitu dan persediaan dalam mendirikan rumah tangga.



PILIHAN RAYA KAMPUS IKMAS 2024

IKMAS melalui Suruhanjaya Pilihan Raya Kampus Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) IKMAS 2024 telah mengadakan pilihan raya kampus bertempat di Dewan Kenyalang, IKMAS.

Pilihanraya ini bertujuan untuk mengadakan pemilihan bagi ahli Majlis Perwakilan Pelajar IKMAS Sesi 2024-2025 serta memastikan ketelusan dan amanah dalam kalangan pelajar mengikut tatacara Suruhanjaya Pilihan Raya Kampus IKMAS.

Terima kasih kepada semua pelajar yang turun untuk mengundi. Tahniah kepada semua urus setia yang terlibat secara langsung dan tak langsung dalam menjayakan pilihan raya kampus pada kali ini. Kepada calon yang menang, jalankanlah amanah yang diberikan dengan ikhlas, jujur dan berdedikasi.



Seminar AL-QURAN WAQAF IBTIDA DAN HADIS SEMASA TAHUN 2024

Cawangan Pembangunan Insan, Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) dengan kerjasama Bahagian Penguatkuasaan dan Kawalan, Kementerian Dalam Negeri telah berjaya menganjurkan Seminar Al-Quran Waqaf Ibtida dan Hadis Semasa tahun 2024.

Seminar ini bertujuan meningkatkan penguasaan bacaan Al-Quran yang mengkhususkan kepada pengenalan ilmu waqaf dan ibtida dalam memperbaiki kesalahan pembacaan Al-Quran bagi membuka minda peserta berkenaan isu-isu semasa di Malaysia berkaitan penyebaran Hadis Nabi.

Waqaf dan ibtida' merupakan salah satu ilmu penting dalam pengajian dan pembelajaran bagi kursus al-Quran. Penguasaan secara mendalam dalam bidang ini menjadi kemestian kepada setiap orang yang ingin memahami dan menghayati al-Quran. Seminar ini diharap dapat meningkatkan tahap penguasaan para peserta berkaitan konsep waqaf dan ibtida' yang kini amat membimbangkan dan dikhuatiri memberi kesan kepada makna ayat al-Quran.

Hadis merupakan sumber hukum kedua selepas al-Quran. Pengajian hadis amat penting bagi mewujudkan kefahaman masyarakat terhadap bidang ilmu hadis dan memastikan pemeliharaan hadis Rasulullah SAW secara berterusan. Pengisian yang berkisar tentang isu-isu hadis semasa menunjukkan



terdapat beberapa isu-isu dan cabaran yang berlaku terutamanya di Malaysia.

Peserta terdiri daripada penjawat awam dari pelbagai agensi kerajaan di Sarawak seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Penerangan Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Polis Diraja Malaysia. Turut hadir menyertai seminar ini peserta-peserta dari institusi pengajian tinggi seperti Institut Aminuddin Baki Cawangan Sarawak, UiTM Sarawak, IPGM Kampus Batu Lintang guru-guru Takmir dan KAFA serta ahli jawatankuasa masjid dan surau.

Seramai 4 orang penceramah jemputan bagi seminar ini, antaranya ialah Ustaz Haji Syed Abd. Aziz bin Haji Wan Yusuf, Pegawai Hal Ehwal Islam, MIS, Ustaz Mohd Shalahudin bin Marzuki, Pegawai Hal Ehwal Islam, JAIS, Ust. Haji Abd. Rahim bin Rashid, Pegawai Agama Islam Bahagian Sarikei dan Prof. Dr. Mohd Fauzi bin Mohd Amin, Ahli Lajnah Tahqiq Hadis KDN.



Seminar ini disempurnakan oleh YBrs. Ustaz Iszam bin Padil, Ketua Penolong Setiausaha, Sektor Regulatori al Quran. Turut hadir, Pengarah IKMAS, Tuan Haji Hanifuddin bin Roslan.



Penganjuran seminar ini diharapkan dapat memberikan pertambahan ilmu kepada peserta dalam memperbaiki bacaan al-Quran dan seterusnya mampu menyampaikan tentang kepentingan dalam memelihara al-Quran dan al-Hadis.

KURSUS PENYAMPAIAN KHUTBAH

20 September 2024 //

Berkualiti

IKMAS menganjurkan Kursus Penyampaian Khutbah Berkualiti bertempat di Masjid Darul Na'im, IKMAS. Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan kepada peserta berkenaan hukum hakam berkaitan khutbah Jumaat, teknik dan tatacara menyampaikan khutbah dengan lebih berkesan melalui sesi ceramah dan juga latihan secara praktikal daripada beberapa orang peserta.

Kursus ini dihadiri oleh pelajar Institut Kemahiran Islam Sarawak (IKMAS). Ustaz Awang Mohammad Safwan bin Awang Sefari selaku Penolong Imam Bahagian Kuching merupakan penceramah jemputan kursus.

Pelajar Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS), terutamanya yang mengikuti Diploma Dakwah Islamiyyah telah dilatih untuk menyampaikan khutbah Jumaat di beberapa masjid yang terpilih di sekitar Kuching. Persiapan dari sudut kemahiran menyampaikan khutbah yang berkualiti diperlukan untuk menyampaikan khutbah yang baik dari segi rukun khutbah serta syarat-syarat khutbah yang wajib dipenuhi.



Oleh itu, kursus penyampaian khutbah yang berkualiti telah dilaksanakan dengan menjemput penceramah dari Pembantu Imam Bahagian, Masjid Jamek Sarawak bagi memberikan pengisian dari sudut hukum fiqh dan teknik penyampaian khutbah.

Kursus ini mendedahkan cara penyampaian yang berkualiti daripada khatib Masjid Jamek Sarawak. Sesi praktikal dari beberapa orang peserta menunjukkan

peserta memahami rukun dan syarat khutbah. Teknik kawalan tona suara juga memainkan peranan dalam meningkatkan kualiti dan keyakinan untuk mengungkapkan khutbah dengan baik.

21 - 22 September 2024 //

PROGRAM KOMUNITI GOTONG-ROYONG MEMBERSIH SUNGAI DAN TEBINGAN SUNGAI KPG TELAGA AIR KUCHING

Seramai 50 orang pelajar IKMAS terlibat bersama dalam menjayakan program ini yang dijalankan selama dua hari bersama masyarakat setempat Kampung Telaga Air. Program ini diadakan adalah bagi memupuk kesedaran di kalangan masyarakat setempat tentang pentingnya menjaga persekitaran dan kebersihan sungai di samping dapat mengeratkan hubungan dalam kalangan masyarakat setempat.

Pelbagai aktiviti yang dijalankan selama dua hari berlangsung antaranya senamrobik, pertandingan mewarna, ceramah agensi kerajaan, pameran, gotong – royong, agihan jaket keselamatan dan pertandingan kutip sampah terbanyak.

Program ini merupakan anjuran JKKK Kampung Telaga Air dan diharapkan program seumpama ini boleh dijadikan acara tahunan komuniti setempat yang melibatkan pelajar di IKMAS.





SEMINAR PEMANTAPAN AQIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMAAH

26 September 2024 //

IKMAS dengan kerjasama YADIM dan Persatuan Ulama' Sarawak ITTIHAD telah berjaya menganjurkan Seminar Pemantapan Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah bertempat di Dewan Kenyalang. Peserta terdiri daripada penjawat awam, kakitangan IKMAS, pelajar IKMAS dan orang awam, dianggarkan seramai 330 orang peserta yang telah berdaftar.

Seminar ini dilaksanakan berdasarkan Teras 4 Pelan Strategik JAKIM 2019 - 2025, IKMAS komited dalam memantapkan kefahaman dan penghayatan Islam secara inklusif bagi melahirkan masyarakat yang berakhlik. Oleh itu, Seminar Pemantapan Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah peringkat Sarawak tahun 2024 telah diadakan bagi memberi kefahaman terhadap Aqidah Islam yang betul. Program ini juga diadakan bersempena dengan Program Dakwah Negara YADIM 2024.

Bertemakan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Pemacu Negara Madani, program ini dilaksanakan bagi memenuhi keperluan masyarakat Sarawak dalam membentuk kefahaman Islam yang betul dan selari dengan al-Quran dan as-Sunnah. Ia juga dapat membantu menangkis segala ajaran sesat yang timbul akibat salah faham terhadap aqidah Islam yang sebenar.

Seminar ini dirasmikan oleh Timbalan Pengarah IKMAS, Ustaz Abd Malek bin Ghazali dan turut dihadiri oleh Pengarah YADIM Sarawak, Ustaz Awang Dulhadi bin Awang Mat.

Diharapkan agar seminar seperti ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang bagi melahirkan masyarakat yang faham dengan kefahaman Islam yang betul.

PROGRAM MOTIVASI DAN HALA TUJU PELAJAR IKMAS BERSAMA UNIVERSITI SULTAN AZLAN SHAH (USAS)

27 September 2024 //

IKMAS dipilih sebagai destinasi oleh pelajar Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) untuk mengadakan program motivasi dan hala tuju pelajar IKMAS yang diadakan di Dewan Kenyalang IKMAS.



Pelbagai aktiviti yang menarik dilakukan bagi membina hubungan pelajar IKMAS bersama pelajar USAS. Program diakhiri dengan ucapan aluan oleh Pengarah IKMAS, Tuan Haji Hanifuddin bin Roslan dan ucapan wakil USAS, Dekan Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial USAS, Dr. Muhammad Mustaqim bin Roslan.



PROGRAM PEMERKASAAN PERSONEL IKMAS

27 - 29 September 2024 //

Program 3 hari 2 malam di Kem Putra Sentosa Semantan yang dirancang dengan pelbagai pengisian menarik khusus untuk memperkasaan personel MADANI warga IKMAS dan menghayati teras Malaysia MADANI dalam kehidupan fokus kepada teras daya cipta dan hormat agar dapat menambah baik pencapaian dalam perkhidmatan warga IKMAS.

Peserta dapat menghayati teras madani terutamanya dalam menjalankan tugas sebagai penjawat awam. Program turut dihadiri oleh Pengarah IKMAS, Tuan Haji Hanifuddin bin Roslan yang mengikuti setiap aktiviti dan pengisian program.

Antara penceramah yang dijemput hadir bagi kursus ini ialah Encik Alistair Anak Larry Danial, Perunding Latihan Kanan INSARA, Encik Abd Wahab bin Jaini Perunding Latihan INSARA dan Encik Mohamad Azwan bin Dawi Saifuddin, Setiausaha Program INSARA.



13 Oktober 2024 //



PROGRAM MENYEMAI BAKTI IKMAS KALI KE 23 TAHUN 2024 DI BAHAGIAN MUKAH

Program Menyemai Bakti IKMAS kali ke-23 telah diadakan di Bahagian Mukah dengan melibatkan lapan buah kampung iaitu Kampung Sg Alo, Kampung Litong, Kampung Petanak Hilir, Kampung Petanak Hulu, Kampung Kuala Lama, Kampung Tutus Ulu, Kampung Penakub Hilir dan Kampung Datuk.

Perasmian program dilaksanakan di Masjid Setia Raja Mukah. Program bermula dengan ucapan alu-aluan daripada Dr. Roziah binti Haji Chek, Ketua Cawangan Akademik IKMAS. Seterusnya perasmian program disempurnakan oleh Yang Berusaha Tuan Haji Hanifuddin bin Roslan, Pengarah IKMAS dengan simbolik penyerahan bakul makanan kepada keluarga angkat.

Para pelajar Diploma Dakwah Islamiyyah Semester 5 telah menetap bersama keluarga angkat bermula pada 13 Oktober sehingga 30 Oktober 2024. Selamat maju jaya kepada para pelajar IKMAS dalam menyumbang bakti kepada masyarakat.



KETUA PENGARAH JAKIM SERTA DELEGASI IKMAS DAN JAKIM SARAWAK KEPADA YANG DIPERTUA MAJLIS ISLAM SARAWAK

YBhg. Dato' Dr. Sirajuddin bin Suhaimee, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bersama Tuan Haji Hanifuddin bin Roslan, Pengarah IKMAS telah mengadakan kunjung hormat kepada Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak, YBhg. Datuk Haji Misnu bin Haji Taha.



Turut diadakan penyampaian sumbangan kepada rakyat Palestin untuk tujuan perubatan yang disampaikan oleh Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak kepada JAKIM. Sumbangan ini adalah hasil kutipan melalui 1,617 masjid dan surau di seluruh Sarawak dan berjaya mengutip sumbangan berjumlah RM310,000.00 bermula 9 hingga 16 Ogos 2024.

Semoga sumbangan yang diperolehi ini dimanfaatkan kepada rakyat Palestin bagi tujuan perubatan.



17 Oktober 2024 //

Lawatan Kerja Rasmی KETUA PENGARAH JAKIM KE TAPAK PEMBINAAN IKMAS FASA 2



Susai perasmian Simposium Pengajian Tinggi Islam Serantau, YBhg. Dato' Dr. Sirajuddin bin Suhaimee, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah berkesempatan ke Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS), Telaga Air, Kuching, Sarawak.

Lawatan ini bertujuan untuk meninjau projek-projek baru yang meliputi blok bangunan akademik, asrama, masjid dan perpustakaan.

Hadir bersama Tuan Haji Hanifuddin Roslan, Pengarah IKMAS dan Encik Abd Malek bin Ghazali, Timbalan Pengarah IKMAS.

YBhg. Dato' Dr. Sirajuddin bin Suhaimee berharap IKMAS menjadi pusat pengajian tinggi Islam yang terbaik dengan fasiliti yang lengkap, memberi keselesaan kepada pelajar serta mengutamakan kebajikan yang juga meluangkan masa menanam sebatang pokok durian di IKMAS dan amat menyokong usaha IKMAS untuk menjadikan IKMAS sebagai kampus lestari hijau.



SIMPOSIUM PENGAJIAN TINGGI ISLAM SERANTAU (SIPTIS) TAHUN 2024



17 Oktober 2024 //

Simposium Pengajian Tinggi Islam Serantau (SIPTIS) merupakan program yang julung-julung kali diadakan di Kuching, Sarawak bertempat di Auditorium Pustaka Negeri Sarawak, Kuching. Program ini juga turut melibatkan penyertaan dalam kalangan ahli negara (MABIMS) iaitu Negara Brunei, Indonesia, Malaysia dan Singapura.

Symposium ini menampilkan pembentang dari negara-negara serantau yang menganggotai pertubuhan MABIMS antaranya YBhg. Prof Madya Dr. Muhammad Zahiri bin Awang Mat, Profesor Madya Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Brunei, YBrs. Dr. Dadan Suherdiana M.Ag, Pensyarah Universitas Islam Negeri (UIN) Sunan Gunung Djati Bandung, YBrs. Dr. Nazirudin Mohd Nasir, Mufti Negara Singapura dan YBrs. Profesor Dr. Abd Halim bin Busari, Pensyarah Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Symposium disempurnakan oleh YBhg. Dato' Dr. Sirajuddin bin Suhaimee, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Beliau berharap agar IKMAS akan menjadi Institusi Pengajian Tinggi Islam yang mampu khususnya dalam melahirkan pendakwah-pendakwah yang berkualiti.





9 November 2024

MAJLIS PENYERAHAN PROJEK PEMBINAAN FASA KEDUA IKMAS

Sesi Penyerahan Projek Pembinaan Fasa Kedua IKMAS ini telah diadakan di Auditorium Al-Wadi IKMAS. Majlis disempurnakan oleh YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Kerja Raya. Hadir bersama ialah YBhg. Datuk Haji Mohd Ajib Bin Ismail, Timbalan Ketua Pengarah Operasi JAKIM mewakili YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) serta Pengurusan Tertinggi dari Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kerja Raya (KKR).

Hasil penyerahan projek ini akan membolehkan pihak IKMAS meningkatkan kapasiti dan keupayaan menambah pengambilan pelajar bagi mengikuti kursus yang ditawarkan daripada 290 orang pada masa kini kepada sehingga 550 orang pelajar.

Pembinaan IKMAS Fasa Kedua dilaksanakan di atas kawasan seluas 2.4 ekar di Telaga Air, Kuching Sarawak merangkumi sebuah Blok Akademik, dua tingkat, dua buah Blok Asrama Siswi empat tingkat yang mampu menampung 250 orang pelajar, Masjid berkapasiti 700 jemaah, Bangunan Mekanikal dan Elektrikal, dan Menara Tangki Air berkapasiti 40,000 gelen.

Turut termasuk dalam skop ialah kerja mengubahsuai bangunan surau lama kepada perpustakaan, pembinaan jalan raya dengan kemudahan 118 parkir kereta, 233 parkir motosikal, parkir bas serta pembinaan gelanggang sukan.

Transformasi pembinaan ini juga memberi mesej bahawa JAKIM memandang serius berkaitan kelestarian pendidikan.



Lawatan Kerja & Kunjung Hormat



~ 11 SEPTEMBER 2024 ~

Kunjung Hormat KOR Agama Angkatan Tentera (KAGAT) ke IKMAS



~ 17 SEPTEMBER 2024 ~

Lawatan Kerja Rasmi Pejabat Agama Islam Daerah Sabak Bernam ke IKMAS



~ 27 SEPTEMBER 2024 ~

Kunjung Hormat Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) ke IKMAS



~ 8 OKTOBER 2024 ~

Lawatan Penanda Aras Delegasi IKMAS
ke Perpustakaan Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang (IPGBL)

Pameran & Promosi IKMAS



~ 14-16 OGOS 2024 ~

Kembara Promosi dan Pameran IKMAS di Bahagian Serian sempena Bengkel Kesempurnaan Solat dan Program Khemah Ibadah



~ 26 - 27 SEPTEMBER 2024 ~

Pameran IKMAS Sempena Program Ziarah Mahabbah Majlis Islam Sarawak Tahun 2024



~ 5 OKTOBER 2024 ~

Pameran IKMAS Sempena Program Lan Berambbeh SMKA TUNAZ Tahun 2024



~ 5 - 6 OKTOBER 2024 ~

Pameran IKMAS Sempena Sarawak Career And Training (Scat Fair) 2024 Kuching

SUKAN IKMAS (SUKMAS)

4 September 2024 //



PERASMIAN PEMBUKAAN *Gimnasium* IKMAS

Majlis Perasmian Gimnasium IKMAS telah dirasmikan oleh Tuan Haji Hanifuddin bin Roslan, Pengarah IKMAS. Gimnasium ini dibuka semula untuk kegunaan semua warga kerja serta pelajar IKMAS.

Dengan kesibukan tugas masing-masing warga IKMAS sering kali tidak berkesempatan untuk

beriadah atau menyertai apa-apa aktiviti sukan. Oleh yang demikian, dengan adanya kemudahan fasiliti seperti gimnasium ini semestinya dapat memberikan manfaat dari aspek kesihatan kepada seluruh warga IKMAS. Syabas dan tahniah! Jom amalkan gaya kerja yang sihat!

5 - 6 Oktober 2024 //

IKMAS MENYERTAI KEJOHANAN PETANQUE DOUBLE JEMPUTAN AGENSI-AGENSI ISLAM SARAWAK (2.0) 2024

Kakitangan dan pelajar IKMAS turut menyertai Kejohanan Petanque Double bersama Agensi-Agenzi Islam di Sarawak.



25 Oktober 2024 //

PERLAWANAN PERSAHABATAN RAGBI 7S IKMAS DAN KOLEJ VOKASIONAL MATANG

Perlwanan ini sebagai pendedahan kepada pelajar IKMAS untuk bersaing di peringkat yang lebih tinggi.



14 - 15 September 2024 //

KEJOHANAN PETANQUE DOUBLE TERTUTUP HARI MALAYSIA ANJURAN JKKG KAMPUNG TELAGA AIR

IKMAS telah menghantar dua pasukan Petanque yang terdiri daripada pelajar dan kakitangan IKMAS untuk menyertai Kejohanan Petanque Double Tertutup Agensi Hari Malaysia anjuran JKKG Kpg Telaga Air di Padang Futsal Pasir.

Penyertaan Kejohanan ini dapat meningkatkan keyakinan dan sifat berani dalam pasukan IKMAS untuk bersaing di peringkat yang lebih tinggi. Tahniah dan syabas diucapkan.





KESESATAN DOKTRIN KUMPULAN GISB HOLDINGS SDN BHD (GISB) DALAM KONTEKS IMAMAH

Latar Belakang

Kumpulan GISB Holdings Sdn Bhd (GISB) merupakan kesinambungan ajaran Al-Arqam dan Rufaqa' Corporation. Al Arqam pada mulanya merupakan sebuah kumpulan "jemaah" Islam yang ditubuhkan pada tahun 1968 dan berkembang di awal tahun 70-an di kawasan Sungai Penchala, Damansara Kuala Lumpur. Kumpulan yang diasaskan oleh Ashaari Muhammad ini juga di peringkat awal hanya bergiat sebagai kumpulan usrah seterusnya telah difatwakan menyeleweng dari ajaran Islam sebenar. Difatwa sebagai menyeleweng dari ajaran Islam oleh Jawatankuasa Fatwa negeri iaitu Wilayah Persekutuan (1 Disember 1988), Pahang (18 Ogos 1988 dan 22 September 1994), Perlis (4 Februari 1993), Negeri Sembilan (4 Ogos 1994), Melaka (11 Ogos 1994), Selangor (11 Ogos 1994), Perak (18 Ogos 1994), Terengganu (18 Ogos 1994), Sarawak (19 Ogos 1994), Sabah (23 Ogos 1994), dan Kedah (18 Ogos 1999). Pada tahun 2024 ini, kumpulan GISB kembali menjadi isu di peringkat nasional dan membuatkan pihak berkuasa menaakul semula ajaran tersebut meskipun dilihat mampu bersaing dengan penggiat ekonomi dalam kalangan bangsa lain, kumpulan ini masih diragui dari aspek pegangan dasar ajaran dan pengamalannya dalam kehidupan sehari-hari mereka. Bermula dengan pendedahan yang dibuat oleh Pusat Kajian Ajaran Sesat (PUKAS) menerusi platform media sosial Facebook pada 16 Ogos 2024, seterusnya oleh Mufti Perlis yang mendedahkan isu keganasan dan kekejaman yang dikaitkan dengan kumpulan GISB tersebut. Pendedahan ini membawa kepada serbuan 20 buah 'Rumah Amal' milik GISB di negeri Selangor dan Negeri Sembilan serta penahanan 171 individu berkaitan kumpulan untuk siasatan pelbagai jenis kes. Terdapat pelbagai kes jenayah yang disiasat di bawah pelbagai peruntukan undang-undang sedang berkuatkuasa antaranya ialah jenayah seksual, pemerdagangan orang serta pengabaian dan penganiayaan kanak-kanak. Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam di Malaysia (MKI) pada 14 November 2024 seterusnya memfatwakan semula ajaran, pegangan dan fahaman GISB adalah sesat dan menyeleweng daripada ajaran Islam dan turut difatwakan di beberapa buah negeri seperti Perlis, Selangor, Pulau Pinang dan Kedah.

Namun begitu, adakah kita sedar dan tahu apakah kandungan ajaran mengenai imamah (pemerintahan/ sistem Khalifah/ kepimpinan) yang dikaitkan dengan kumpulan Al-Arqam-Rufaqa'-GISB ini? Pengkaji akan memfokuskan kepada kandungan ajaran sesat GISB yang mengandungi unsur ajaran batiniyyah yang menyeleweng daripada ajaran Islam mengikut fahaman Ahli Sunnah wal Jama'ah. Antaranya ialah pengikut kumpulan ini menganggap pengasas Aurad Muhammadiah iaitu Syeikh Muhammad as-Suhaimi sebagai Imam Mahdi yang ditunggu-tunggu akan turun di akhir zaman. Kepercayaan tersebut adalah batil sepertimana dakwaan individu yang pernah mengakui diri mereka sebagai Imam Mahdi, antaranya ialah Ubaidullah bin Maimun yang lahir pada tahun 259 hijrah; seorang lelaki Yahudi dan dinisbahkan kepada keluarga Majusi. Begitu juga dengan Muhammad bin Tumart yang lahir pada tahun 485 hijrah seorang munafik yang suka berbohong, bersifat kejam dan amat mustahil kedua-dua individu ini merupakan keturunan Rasulullah SAW seperti yang digambarkan dalam hadis. Kepercayaan mengaitkan individu tertentu sebagai Imam Mahdi dalam ajaran ini juga sama seperti ajaran kumpulan Syi'ah Imāmīyah yang menganggap secara literal, Muhammad bin Hassan Al-Askari ialah Imam Mahdi atau "The Awaited Messiah" iaitu individu yang memberi petunjuk kepada mereka. Konsep ini menyamai dengan ajaran kumpulan GISB yang menganggap Syeikh Muhammad as-Suhaimi sebagai Imam Mahdi.

Ciri-ciri Imam Mahdi

Berdasarkan pegangan Ahli Sunnah wal Jama'ah, ciri-ciri Imam Mahdi yang dimaksudkan adalah seperti yang dinyatakan melalui hadis Rasulullah SAW. Antaranya ialah maksud hadis hasan sahih at-Tirmizi (no 2230) yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Mas'ud R.A, Rasulullah SAW telah bersabda:

لَا تَذَهَّبُ الدُّنْيَا حَتَّىٰ يَمْلِكَ الْعَرَبَ رَجُلٌ مِّنْ أَهْلِ بَيْتِيْ يُوَاطِئُ اسْمُهُ اسْمِي

Maksudnya: Dunia tidak akan berlalu pergi sehingga bangsa Arab akan dikuasai oleh seorang lelaki dari kalangan ahli baitku yang namanya bersamaan dengan namaku.

Hadis ini menyatakan nama Imam Mahdi adalah seperti nama Rasulullah SAW iaitu Muhammad dan keturunan ahli bait iaitu anak kepada Fatimah az-Zahra'; anak Rasulullah SAW. Hadis lain yang menggambarkan ciri-ciri Imam Mahdi ialah hadis diriwayatkan oleh Abu Dawud (no hadis 4285) iaitu daripada Abu Sa'id al-Khudri R.A beliau berkata, Rasulullah SAW telah bersabda:

الْمَهْدِيُّ مِنْ أَجْلِ الْجَبَهَةِ أَقْنَى الْأَنْفِ يَمْلِأُ الْأَرْضَ قِسْطًا وَعَدْلًا كَمَا مُلِئَتْ جَوْرًا وَظُلْمًا يَمْلِكُ سَبْعَ سِنِينَ

Maksudnya: Al-Mahdi dariku. Dahinya luas dan hidungnya mancung. Dia akan memenuhi bumi dengan keadilan sebagaimana ia dahulunya dipenuhi dengan kezaliman dan dia akan menguasai selama tujuh tahun.

Antara ciri-ciri lain Imam Mahdi yang dinyatakan dari maksud hadis ialah berdahi luas dan berhidung mancung, kedua-dua matanya bercelak, wajahnya dilihat berbahaya seperti bintang, di atas bahunya mempunyai tanda yang sama seperti Rasulullah SAW, warna kulitnya seperti orang Arab dan berumur 40 tahun (ada riwayat mengatakan di antara umur 30 hingga 40 tahun) dan akhlak Imam Mahdi adalah seperti akhlak Rasulullah SAW. Imam Mahdi yang akan muncul di akhir zaman ini adalah figur hebat yang akan memakmurkan bumi dengan sifat adil selama tujuh (7) tahun.

Seterusnya berkaitan negeri atau tempat munculnya Imam Mahdi pula, terdapat beberapa pendapat antaranya ialah di negara Maghribi (al-Qurtubi), Andalus (sebahagian ulama') namun pendapat yang paling masyhur dan tepat ialah di negeri Madinah, Arab Saudi (riwayat Abu Nu'aim dari Hammad dari athar Ali bin Abi Talib).

Konklusinya menurut akidah Islam, kemunculan Imam Mahdi ialah ketentuan Allah SWT, dan tiada manusia yang dapat mempengaruhi atau menentukan kemunculannya selain dari muwasafat (gambaran) Imam Mahdi yang dinyatakan melalui dalil hadis sahih Rasulullah SAW. Tanpa purbasangka, setiap yang mengaku sebagai Imam Mahdi atau mendakwa individu tertentu adalah Imam Mahdi adalah sesat sepertimana keputusan fatwa di Malaysia mengenai ajaran Qadiani, Syiah dan juga GISB. Sebagai umat Islam, kita diperintahkan untuk beriman kepada perkara-perkara ghaib dengan penuh tawakal dan menyerahkan kepada kehendak Allah. Mengaitkan seseorang sebagai Imam Mahdi seolah-olah meletakkan perkara ghaib dalam kuasa manusia, sedangkan kita tidak mengetahui bilakah ketetapan Allah akan berlaku. Walhasil mengaitkan seseorang sebagai Imam Mahdi ialah tindakan yang boleh mengundang fitnah kepada Islam dan mencetuskan kekeliruan dalam masyarakat. Umat Islam disarankan agar terus berpegang kepada ajaran Islam dan mempersiapkan diri dengan meningkatkan keimanan dan amalan, kerana ini ialah jalan yang dituntut oleh agama dalam menghadapi sebarang peristiwa akhir zaman. Kiamat itu pasti, Akhirat itu pasti.

Rujukan:

- Abdul Muhammin Mohd Rapangi & Mohd Yusuf Ismail. "Tanda-Tanda Besar Kiamat: Analisis Metode Dan Kronologi". *Journal of Hadis* Vol 7. No. 1 (June 2022), 144-159.
- Al-Qurtubī, Abū Abdullah Muhammad bin Ahmad. 1425h. *Al-Tazkirah bi Ahwāl al-Mawtā wa Umūr al-Ākhirah*. Riyadh: Maktabah Dār al-Minhaj.
- Ibn Khaldun. *Al-Muqaddimah*. Damsyik: Dar al-Fikr (2001).

Selamat Datang



ARIFFI IDAWATI BINTI ZAINUDIN

PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM S48

DARI : UNIT PENGUKUHAN
INTEGRITI, IBU PEJABAT JABATAN
PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA



MOHD SAIDI BIN AB HAMID

PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM S44

DARI : MAJIS AGAMA ISLAM DAN
ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN



MOHD AZIZON BIN NOORDIN

PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM S44

DARI : JABATAN HAL EHWAL AGAMA
ISLAM PULAU PINANG



ABDUL AZIZ BIN MOKHTAR

PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM S44

DARI : INSTITUT PENGAJIAN ISLAM DAN
DAWKAH SABAH (IPDAS)



SHAHIRAH BINTI SAMSUDDIN

PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM S41

LANTIKAN BARU



SUMAINI BINTI OTHMAN

PEN. PEG. HAL EHWAL ISLAM S32

DARI : IBU PEJABAT POLIS KONTINJEN
SARAWAK, KUCHING



NORIZAN BINTI AMIN

PEN. PEG. HAL EHWAL ISLAM S29

DARI : IBU PEJABAT POLIS KONTINJEN
SARAWAK, KUCHING



MUHAMMAD HANIFI BIN ARIFFIN

PEMBANTU HAL EHWAL ISLAM S19

LANTIKAN BARU

Jasamu Dikenang



HASFA BAKHRY BIN HASSAN

PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM S44

BERTUKAR KE: BAHAGIAN DASAR
KEMAJUAN ISLAM JAKIM



**NOOR AFIAQAH BINTI CHE
MUSTAPHA**

PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM S41

BERTUKAR KE: INSTITUT LATIHAN ISLAM
MALAYSIA (ILIM)



NUR HAFIZAH BINTI ABDUL LATIF

PEN. PEG. HAL EHWAL ISLAM S32

BERTUKAR KE: IBU PEJABAT KONTINJEN
POLIS KUCHING, SARAWAK



MAISARAH BINTI KIPLI

PEN. PEG. HAL EHWAL ISLAM S29

BERTUKAR KE: IBU PEJABAT KONTINJEN
POLIS KUCHING, SARAWAK



ASMUNI BIN HASBULLAH

PEMBANTU HAL EHWAL ISLAM S19

BERTUKAR KE: BRIGED TENGAH
(BATALION 4, SEMENYIH) POLIS DIRAJA
MALAYSIA (PDRM)



2 SEPTEMBER 2024

Bengkel Tajwid IKMAS bersama Taman Seri Puteri



4 SEPTEMBER 2024

Majlis Maulid Sempena Sambutan Rabiulawal 1446H



5 SEPTEMBER 2024

Latihan Amali Tazkirah, Imam & Bilal Pelajar IKMAS Tahun 2024



7 SEPTEMBER 2024

“Treasure Hunt”
Sempena Program Bulan Bahasa



11 - 12 SEPTEMBER 2024

Kursus Pengajian Kitab Turath Safinatun Najah Siri 3



13 SEPTEMBER 2024

Kumpulan Qasidah IKMAS bersama
SK Pulo Kuching



19 SEPTEMBER 2024

Pelajar IKMAS Johan Di Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Daerah Sebuya



20 SEPTEMBER 2024

Seminar Wanita Solehah Generasi Khaira Ummah



21 - 22 SEPTEMBER 2024

Program Komuniti Gotong-Royong Membersih Sungai dan Tebingan Sungai Kampung Telaga Air Kuching



21 - 22 SEPTEMBER 2024

Sijil Profesionalisme Pengurusan Masjid Sarawak (SPPMS) Kali Ke-2 Tahun 2024 Modul 2



26 - 30 SEPTEMBER 2024

Program Ziarah Mahabbah Majlis Islam Sarawak bersama Agensi-Agenis Islam Tahun 2024



4 OKTOBER 2024

Penyerahan Sumbangan IKMAS kepada SK Temenggong Kampung Telaga Air



8 - 9 OKTOBER 2024

Program bersama Sarjana Pelawat (Visiting Scholar) IKMAS



4 - 6 OKTOBER 2024

Kursus Sahsiah Pendidik Pesona Pemberi Pendidikan Tinggi JAKIM



11 OKTOBER 2024

Ziarah Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak ke Masjid Darul Naim IKMAS



14 NOVEMBER 2024

Majlis Penyampaian Sijil Profesionalisme Imam Sarawak dan Sijil Profesionalisme Pengurusan Masjid Sarawak Kali Ke-5 Tahun 2024

Juh Masuk IKMAS

SYARAT KELAYAKAN MASUK PROGRAM DIPLOMA DAKWAH ISLAMIYAH

1. Warganegara Malaysia berumur 17 tahun ke atas serta sihat fizikal.
2. Bukan Warganegara yang mempunyai kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia.
3. LULUS Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan Lima (5) KEPUJIAN termasuk :-
 - a. Bahasa Melayu dan mana-mana satu matapelajaran Pengajian Islam seperti Pendidikan Islam/ Tasawwur Islam/ Pengajian Al-Quran & Sunnah/ Pengajian Syariah Islamiyah atau Bahasa Arab.
 - b. LULUS Bahasa Inggeris dan Matematik.
4. Mempunyai minat belajar, sedia dibimbing mematuhi peraturan dan arahan.
5. Belum berkahwin
6. LULUS ujian Temuduga.

SYARAT KELAYAKAN MASUK PROGRAM SIJIL PENGAJIAN ISLAM

1. Warganegara Malaysia berumur 17 tahun ke atas.
2. Bukan warganegara (antarabangsa) yang mempunyai kelayakan yang SETARA dan diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.
3. LULUS Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dengan satu (1) kepujian dalam mana-mana pelajaran.
4. Lulus temuduga.
5. Belum berkahwin.

SYARAT KELAYAKAN MASUK PROGRAM DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN DAN AL-QIRAAAT

1. Warganegara Malaysia
2. Beragama Islam
3. Berumur tidak melebihi 21 tahun pada tarikh pendaftaran
4. Belum berkahwin dan sedia tidak berkahwin sepanjang pengajian.
5. Lulus peperiksaan SPM dengan syarat minimum Gred 'C' dalam mata pelajaran berikut:
 - a. Bahasa Melayu;
 - b. Bahasa Arab/ Al-Adab wa al-Balaghah/ Al-Lughah al-Arabiah al-Mu'asirah/ Turath Bahasa Arab;
 - c. Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah/ Pendidikan Syariah Islamiah/ Pendidikan Islam/ Tasawwur Islam/ Usul al-Din/ Turath al-Quran dan al-Sunnah/ Al-Syariah/ Manahij al-'Ulum al-Islamiah/ Turath Dirasat Islamiah/ Maharat Al-Quran; and
 - d. LULUS Bahasa Inggeris
6. LULUS Ujian Bertulis (Bahasa Arab dan Tajwid)
7. LULUS Temuduga
8. Mempunyai tahap kesihatan yang baik.



ایستیقیوت کماہیران اسلام ملیسیا سراوو

INSTITUT KEMAHIRAN ISLAM MALAYSIA SARAWAK

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

PETI SURAT 2867, JALAN MATANG 93050 KUCHING, SARAWAK

TEL: 082 - 843 478 / 016-585 2349

FAKS: 082 - 843 440

EMAIL: ikmas@islam.gov.my